

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 23 /2025

PENILAIAN PRESTASI STAF TAHUN 2025

Dimaklumkan bahawa Penilaian Prestasi Staf Tahun 2025 secara dalam talian (*online*) bagi Staf Akademik (e-LPPT) dan Staf Pengurusan Profesional dan Pelaksana (e-LNPT) akan dilaksanakan mengikut jadual seperti di Lampiran. Bagi memastikan urusan penilaian prestasi staf tahun 2025 dapat dilaksanakan mengikut perancangan, semua staf hendaklah mematuhi jadual yang telah ditetapkan. **Staf diingatkan agar mengambil tindakan untuk memasukkan KAI di LNPT/LPPT lebih awal seperti yang ditetapkan dalam jadual** bagi melancarkan proses semakan dan pengesahan data.

2. Menjadi kewajipan dan tanggungjawab setiap staf untuk melengkapkan dan menyemak borang penilaian e-LPPT/e-LNPT. Sila ambil perhatian bahawa semua staf (yang layak) adalah tidak dikecualikan daripada mengisi dan melengkapkan borang penilaian e-LPPT/e-LNPT. Bagi staf yang akan menamatkan perkhidmatan pada tahun penilaian tetapi berkhidmat lebih enam (6) bulan pada tahun penilaian, sila lengkapkan penilaian menggunakan Borang Laporan Penilaian Prestasi Khas (LNPK) dan dikembalikan kepada Pegawai Sumber Manusia (PSM) Pusat Tanggungjawab (PTJ) sebelum menamatkan perkhidmatan.

3. Tindakan akan dikenakan kepada mana-mana Pegawai Yang Dinilai (PYD) atau Pegawai Penilai (Pegawai Penilai Pertama (PPP)/Pegawai Penilai Kedua (PPK)) yang gagal melengkapkan/menyelesaikan penilaian yang dipertanggungjawabkan dalam tempoh yang ditetapkan seperti mana berikut:

- a) Tindakan Tatatertib kerana ingkar perintah;
- b) Tiada Pergerakan Gaji Tahunan (PGT);
- c) Tidak layak menerima sebarang anugerah pada tahun semasa (termasuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang);
- d) Tidak disambung perkhidmatan kontrak (bagi staf kontrak);
- e) Ditangguhkan bayaran ganjaran kontrak (*gratuity of contract*) (bagi staf kontrak).

4. Kerjasama daripada semua staf amat diperlukan bagi memastikan pengurusan penilaian prestasi dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Ini bagi membolehkan urusan perkhidmatan seperti pergerakan gaji tahunan, penganugerahan perkhidmatan cemerlang, kenaikan pangkat, pengesahan dalam perkhidmatan, persaraan dan lain-lain berkaitan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur.

5. Tempoh masa pelaksanaan dalam jadual yang ditetapkan dalam Pekeliling ini adalah muktamad dan **sebarang rayuan bagi pelanjutan tempoh pelaksanaan tidak akan dipertimbangkan.**

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)
Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM (Cawangan Kuala Lumpur)
 - Pengarah, UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

JADUAL UMUM PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN STAF BAGI TAHUN 2025

BIL	PERKARA	TEMPOH	TINDAKAN
1.	PENENTUAN KELAYAKAN PENILAIAN, KLASIFIKASI DAN PEGAWAI PENILAI i. Menetapkan kelayakan penilaian LPPT dan LNPT. ii. Kemaskini klasifikasi LPPT dan semakan jika ada perubahan. iii. Menetapkan dan mengemaskini penentuan Pegawai Penilai	6 Mei – 15 Jun 2025 6 Mei – 15 Jun 2025 6 Mei – 15 Jun 2025	PSM PSM PSM
2.	PENETAPAN KEY AMAL INDICATOR (KAI) (Awal Tahun) i. Perbincangan penetapan KAI bersama Pegawai Penilai ii. Pengisian KAI di dalam sistem 7P bagi staf akademik dan sistem LNPT bagi staf PPP	16 Jun – 30 Jun 2025	PYD
3.	PEMILIHAN MAJOR LPPT i. Pemilihan Major oleh PYD ii. Pengesahan PSM iii. Kelulusan Dekan	1 Ogos - 11 Ogos 2025 12 Ogos - 24 Ogos 2025 25 Ogos - 4 Sept 2025	PYD PSM Dekan
4.	SISTEM 360° (KUALITI PERIBADI DAN NILAI SEPUNYA) (LNPT & LPPT) i. Penentuan kelayakan 360°, Penjanaaan PPR dan PPS ii. Penjanaaan PPR (Pegawai Penilai Rakan Sekerja) iii. Penilaian sistem 360° (Kualiti Peribadi dan Nilai Sepunya)	3 November - 14 November 2025 17 November - 28 November 2025 1 Disember - 31 Disember 2025	PSM PYD PYD
5.	MAKLUMAT KEGIATAN SUMBANGAN / 7P i. Kemasukan Maklumat Kegiatan & Sumbangan - LNPT ii. Kemasukan Maklumat di Sistem Rekod 7P, RADIS, Innocoms, Icesys, AIMS - LPPT iii. Kemaskini maklumat / pembetulan sekiranya telah disemak oleh Pegawai Penilai	1 Jun – 31 Disember 2025	PYD

BIL	PERKARA	TEMPOH	TINDAKAN
6.	KAJIAN SEMULA KAI AKHIR TAHUN i. Semakan kajian semula KAI berdasarkan pencapaian kerja sebenar bersama Pegawai Penilai ii. Kemaskini KAI dan sasaran (tambah/gugur)	1 Disember - 31 Disember 2025	PYD
7.	PENGHANTARAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LPPT DAN LNPT)	31 Disember 2025 <i>(sehingga 5.00 petang)</i>	PYD
8.	PENGESAHAN DATA LPPT Pengesahan Data Innocoms, Webometrik, IceSys, RADIS (Penyelidikan, Penerbitan)	Dibuat secara berfasa sehingga 6 Januari 2026	PIC SISTEM ICC, HEK, CCIN,RMC, PERPUSTAKAAN, UTM PRESS, UTM CDEX
9.	PENILAIAN DAN PENGISIAN SISTEM 360° OLEH PPR DAN PPS	10 Januari - 26 Januari 2026 <i>(sehingga 5.00 petang)</i>	PPR, PPS
10.	PENGESAHAN MAKLUMAT KEGIATAN & SUMBANGAN LNPT Meneliti, mengesahkan dan menilai maklumat yang dimasukkan oleh PYD di LNPT	10 Januari - 30 Januari 2026 <i>(sehingga 5.00 petang)</i>	PSM/PPP/ PIC SISTEM
11.	TEMPOH PENILAIAN PEGAWAI PENILAI PERTAMA (PPP) Pengesahan maklumat dan penilaian i. Perbincangan prestasi antara PPP dan PYD ii. Pindaan markah penilaian PPP (jika berkaitan) selepas perbincangan bersama PYD	11 Januari - 26 Januari 2026 <i>(sehingga 5.00 petang)</i>	PPP (1,2,3)
12.	TEMPOH PENILAIAN PEGAWAI PENILAI KEDUA (PPK) i. Membuat penilaian dan ulasan secara keseluruhan. ii. Pindaan markah penilaian keseluruhan	27 Januari - 9 Februari 2026 <i>(sehingga 5.00 petang)</i>	PPK
13.	SEMAKAN PSM i. Semakan dan rayuan pindaan markah ii. Mesyuarat JKPBBP PTJ/ Fakulti iii. Penghantaran dokumen JKPBBP Universiti	9 Februari - 13 Februari 2026 23 Februari - 27 Februari 2026 4 Mac 2026*	PSM

BIL	PERKARA	TEMPOH	TINDAKAN
14.	SEMAKAN URUS SETIA i. Semakan dokumen oleh urus setia ii. <i>Briefing</i> Mesyuarat JKPBPP Universiti iii. Mesyuarat JKPBPP Universiti	5 Mac - 9 Mac 2026* 10 MAC 2026 11 Mac - 12 Mac 2026	BSM
15	SEMAKAN MARKAH AKHIR DI SISTEM Pindaan dan Pengesahan Markah di sistem	23 Mac - 3 April 2026*	PSM
17.	Penjanaan ROC KGT	06 April 2025*	PSM/ BSM

NOTA: * Tertakluk kepada perubahan

Nota:

CCIN : Pusat Jaringan Komuniti Industri
 ICC : Pusat Inovasi dan Pengkomersilan
 RMC : Pusat Pengurusan Penyelidikan
 UTM PRESS : Penerbit UTM Press
 UTM CDEX : Pusat Pemajuan Pembelajaran Digital dan Fleksibel
 HEK : Pejabat Hal Ehwal Korporat
 KAI : *Key Amal Indicator/Key Performance Indicator*
 PYD : Pegawai Yang Dinilai
 PPP : Pegawai Penilai Pertama
 PPK : Pegawai Penilai Kedua
 PPR : Pegawai Penilai Rakan Sekerja
 PPS : Pegawai Penilai Subordinat
 PSM : Pengurusan Sumber Manusia
 PTJ : Pusat Tanggungjawab
 JKPBPP : Jawatankuasa Pembangunan Bakat dan Pelan Penggantian
 PSZ : Perpustakaan UTM
 SKT : Sasaran Kerja Tahunan